

Dasar larang eksport nadir bumi kekang eksploitasi sumber

Langkah pacu pembangunan industri mineral secara mampan, menyeluruh

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Fahmy A Rosly
bhnews @bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan membangunkan dasar larangan eksport bahan mentah nadir bumi bagi mengelak eksploitasi dan kehilangan sumber, lantas menjamin pulangan maksimum buat negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, perkara itu akan menjadi sebahagian daripada Dasar Mineral Negara baharu yang akan dirangka bagi memacu pembangunan industri mineral yang menyeluruh berasaskan prinsip kemampunan dan kebertanggungjawaban.

Kerajaan sebelum ini memaklumkan akan mengeluarkan garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) berkaitan unsur nadir bumi (REE) dengan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata ia penting bagi memastikan pengeksploitasian bahan itu dibuat secara lestari dan mampan.

Nik Nazmi ketika menjawab

soalan di Parlimen pula berkata, Malaysia memiliki sumber REE bukan radioaktif (NR-REE) dianggarkan berjumlah 16.1 juta tan dengan nilai pasaran RM809.6 bilion, yang mana kajian Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) mendapati ia terdapat di 10 negeri, iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sarawak, Selangor dan Terengganu.

Sebelum ini, isu REE mencuri tumpuan susulan kegiatan mencuri bahan itu yang dikesan di kawasan Hutam Simpan Bukit Enggang di Sik, Kedah dengan beberapa siri tangkapan serta rampasan dilakukan.

Kerajaan negeri Kedah pernah mengumumkan penemuan REE bernilai RM62 bilion tersimpan di bawah bumi di Sik, manakala Kelantan dipercayai memiliki sumber mineral dan REE mencecah RM125 bilion.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, Dasar Mineral Negara dijadikan panduan dalam melaksanakan aktiviti perlombongan dalam hutan simpan kekal, kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan perlindungan.

“Pemetaan terperinci sumber REE dan model perniagaan menyeluruh yang menggabungkan industri hulu, pertengahan dan hiliran akan dibangunkan bagi mengekalkan rantaian nilai nadir bumi di dalam negara,” katanya.

Beliau mengakui industri na-

Mekanisme akan disediakan untuk menyokong pertumbuhan lima industri GHV bagi mempertingkatkan produktiviti, kemajuan teknologi dan kepelbagaian ekonomi				
Peralihan ke arah industri GHV				
Peralihan tenaga	Teknologi dan digital	E&E bernilai tinggi	Pertanian dan industri asas tani	Nadir bumi
 <ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan NETR • Mewujudkan sistem pasaran elektrik • Meningkatkan kapasiti terpasang TBB • Melaksanakan carbon pricing dan menerima pakai ESG 	 <ul style="list-style-type: none"> • Mempercepat pendigitalan melalui GovTech dan Identiti Digital Nasional • Menggalakkan inovasi melalui INNOVATHON • Memperkukuh ekosistem tech start-up 	 <ul style="list-style-type: none"> • Memperkukuh ekosistem pembuatan front-end • Memudahkan cara pelaburan berkualiti untuk teknologi maju 	 <ul style="list-style-type: none"> • Mempercepat penerimgunaan teknologi pertanian pintar • Mengurangkan kebergantungan terhadap import • Memperluas pelaksanaan program IPR INTAN 	 <ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan model perniagaan yang komprehensif • Meningkatkan R&D&C&I • Mengkaji semula Dasar Mineral Negara 2

dir bumi akan muncul sebagai sumber pertumbuhan baharu berasaskan unsur nadir bumi bukan radioaktif yang mampan dan mesra alam.

“Unsur ini diperlukan dalam pembuatan bateri, super magnet

dan alatan elektronik, dengan industri nadir bumi dijangka menyumbang sebanyak RM9.5 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada 2025 dan mewujudkan hampir 7,000 peluang pekerjaan.

“Bagi mencapai sasaran ini, Dasar Mineral Negara baharu akan dirangka,” katanya ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Dewan Rakyat semalam.